



SIARAN AKHBAR

MINGGU PMKS 2022 “Mula Berdikit Azam Melangit”

Kuala Lumpur, 22 Jun 2022 – Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara, dan turut memangkin kepada pembentukan masa depan Malaysia. Menyedari kepentingan dan sumbangan PMKS kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan negara, program Minggu PMKS 2022 yang merupakan satu program tahunan, anjuran SME Corp. Malaysia dianjurkan di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran umum serta mempromosikan produk dan perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri. Minggu PMKS 2022 kali ini diadakan bersempena dengan Minggu Usahawan Negara (MUN) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal Bin Nainy berkata “bertemakan **“Mula Berdikit, Azam Melangit”**, tahun ini, SME Corp. Malaysia telah mewujudkan satu kempen **“Sokong Lokal, Sokong PMKS”** bagi Minggu PMKS 2022 bagi menyokong serta menggalakkan orang ramai untuk hadir serta meraikan Minggu PMKS yang akan berlangsung dari 10 Jun hingga 4 Julai 2022 merentasi semua negeri di seluruh Malaysia dan acara kemuncaknya di Malaysia Grand Bazar, Lalaport Bukit Bintang pada 27 Jun 2022”.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sewaktu Minggu PMKS seperti Karnival Jualan dan Gerai Pameran, Sesi Pemadanan Perniagaan dengan jangkaan potensi jualan yang disasarkan sebanyak RM20 juta bagi seluruh Malaysia serta Seminar Perniagaan dan banyak lagi aktiviti menarik diharapkan dapat memupuk semangat keusahawanan secara berterusan, dan juga membuka peluang perniagaan yang berpotensi membantu perniagaan melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

Untuk maklumat lanjut mengenai Minggu PMKS 2022, sila layari www.smecorp.gov.my/MSMEweek atau hubungi 1300 30 6000.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web: www.smecorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)

Tel : 03-27756203 atau 016-3322121